

06/09/1998

Ahli Belia 4B diingot usah terbabot

MELAKA: Semua ahli Belia 4B diingotkan supaya tidak membabitkan diri dengan kempen bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mempertikaikan sistem kehakiman dan mencabar profesionalisme polis.

Presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana ahli 4B, sama ada yang terbabot secara langsung mahupun tidak langsung dalam kempen berkenaan.

Katanya, Belia 4B menyokong dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak mahu ahlinya dipergunakan oleh pihak tertentu untuk memenuhi kepentingan peribadi Anwar.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Belia 4B, Jamaludin Rahim sudah ditugaskan untuk memantau pergerakan ahli 4B di seluruh negara supaya mereka tidak diperalatkan.

"Keputusan Anwar yang akan mengadakan kempen ke seluruh negara lebih membabitkan soal politik dan kepentingan peribadi.

"Oleh itu, biarlah ahli politik yang menyelesaikannya dan bukannya ahli Belia 4B," katanya semalam.

Mohd Ali yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, berkata golongan belia sepatutnya menerima isu pemecatan itu dengan tenang dan bukannya membuta tuli.

Beliau berkata, Belia 4B perlu faham dengan keadaan sebenar dan Kabinet serta MT Umno tentu tidak akan membuat keputusan drastik itu jika tidak mempunyai bukti yang kukuh.

"Belia 4B juga mengalu-alukan kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Nor bahawa polis akan meneliti semua kenyataan Anwar yang mempertikaikan profesionalisme polis ketika mengendalikan kes beliau," katanya.

Menurut Mohd Ali, Dr Mahathir begitu berat memecat Anwar daripada kerajaan kerana Anwar adalah timbalannya dan sudah tentu keputusan itu dibuat selepas beliau mengambil kira pelbagai aspek, termasuk kepentingan negara.

(END)